

SANTAI

FOKUS

Oeh Muhaamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Pulau Penyu atau dikenali sebagai Pulau Selingan di Sandakan, Sabah adalah pulau terbesar dalam Taman Pulau Penyu.

Pulau Selingan antara tempat paling selamat bagi penyu mendarat dan bertelur kerana berada di bawah jagaan pihak Taman-Taman Sabah.

Dua pulau lagi yang termasuk dalam Taman Pulau Penyu adalah Pulau Bakungan Kecil dan Pulau Gulisan yang turut terkenal sebagai lokasi pendaratan penyu.

Terdapat dua jenis penyu yang biasa mendarat di pulau ini iaitu penyu hijau dan penyu karah atau sisik.

Pulau Selingan terletak di dalam kawasan perairan Laut Sulu iaitu lebih kurang 40 kilometer (km) dari pusat bandar Sandakan dan ia boleh dikunjungi orang ramai.

Terdapat sebuah pusat penjagaan dan penetasan bagi telur-telur penyu di pulau berkenaan yang dijaga rapi supaya tidak diambil atau dikacau pihak yang tidak bertanggungjawab.

Malah, kejernihan air laut yang berwarna kebiru-biruan menawarkan kehidupan terumbu karang yang indah dan terjaga sesuai untuk berenang, selam snorkel serta selam skuba.

Pada September tahun lalu, Sumiati Aris bersama rakannya berpeluang ke pulau itu untuk menyaksikan dengan lebih dekat bagaimana penyu bertelur.

> 36

'KAMPUNG PENYU'


Pulau Selingan menjadi tempat paling selamat untuk reptilia itu




FOTO | IHSAN SUMIATI ARIS

INTAI PENYU BERTELUR

Pengunjung dibenarkan menyaksikan saat indah berkenaan dibawah pemantauan pengawal taman



TERUJA dapat melihat penyu bertelur dengan lebih dekat.



BALAI pameran antara kemudahan yang disediakan kepada pengunjung di Pulau Selangan.



TAPAK penetasan telur penyu untuk melindungi telur sebelum menetas.

di laut namun ini adalah pengalaman yang cukup mengujakan apabila dapat melihat penyu bertelur dengan lebih dekat.

“Salah seorang renjer yang bertugas memaklumkan, penyu yang berusia kira-kira 40-an berukuran panjang 104.5 sentimeter (sm) dan lebar 92.5sm itu sebelum ini pernah mendarat dan bertelur di pulau ini berdasarkan tanda yang ada pada haiwan itu,” katanya.

Tambahnya, sebaik ibu-penyu kembali ke laut, renjer ini pernah mendarat dan memindahkannya ke tapak penetasan penyu.

“Telur itu ditanam semula di dalam lubang sedalam 75sm, ditutup dengan pasir dan dikelilingi jaring plastik serta ditanda dengan nombor siri sarang, tarikh pengumpulan dan bilangan telur

“Pada malam itu, sekitar jam 9.30 malam, kami juga

diberi peluang melepaskan 63 anak-anak penyu ke laut. Saya difahamkan pada malam itu sahaja sebanyak 1,217 anak penyu dilepaskan ke laut,” katanya.


Sumiati berkata, pada keesokan hari, sekitar jam 6 pagi, dia sekali lagi dapat melihat penyu yang baru selesai bertelur.

“Secara keseluruhan sepanjang dua hari satu malam di pulau itu nyata memberi pengalaman yang cukup bermakna sebagai pengembara.

“Pengunjung dapat melihat bagaimana penyu bertelur, telur dikumpulkan dan anak-anak penyu dilepaskan ke laut. Pengalaman ini dapat memberi kesedaran betapa perlunya kita terus menjaga alam sekitar dan tidak membeli telur penyu yang dijual supaya hidupan marin ini tidak pupus untuk tatapan generasi akan datang,” katanya.



PENGUNJUNG diberi peluang melepaskan anak penyu.



TELUR dipindahkan ke tapak penetasan penyu.